

## CARA MEMOHON

- Pemohon dikehendaki membuat permohonan baru/pembaharuan lesen Aktiviti Pengubahan Sumber
  - Pemohon hendaklah melengkapkan Borang JSANK PS/2019: permohonan Lesen Pengubahan Sumber
  - Sijil Kebenaran Merancang daripada PBT
  - Lesen Menduduki Sementara (TOL) daripada Pejabat Tanah & Jajahan
  - Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia(SSM)
  - Salinan kad Pengenalan Pemohon
  - Pelan Ukur bersaiz A1
  - Pelan cadangan binaan/pengubahan sumber bersaiz A1 atau A0 yang telah diisahkan oleh Jurutera Bertauliah:
- i) Peta Kunci, Peta Lokasi : termasuk data longitude dan latitude lokasi)
- ii) Pelan Susunatur Struktur jeti
  - iii) Pelan Rekabentuk struktur jeti
  - iv) Pelan Lukisan Keratan Rentas beserta Invert Level Sungai
- Permit daripada agensi teknikal yang berkaitan
  - gambar lokasi tapak ( mininma 4 keping)
  - Salinan Hak Milik Tanah ( Sekiranya ada)



## HUBUNGI KAMI :

Jabatan Sumber Air Negeri  
Kelantan  
Aras Bawah, Blok 4,  
Kompleks Kota Darulnaim,  
15503 Kota Bharu,  
Kelantan

Phone: 09-7475240

Fax: 09-7475220

Email: [jsank@kelantan.gov.my](mailto:jsank@kelantan.gov.my)

Laman Sesawang :  
<http://jsank.kelantan.gov.my>

Facebook : Jabatan Sumber Air  
Negeri Kelantan  
Tiktok: Jsankelantan

*"Air Sumber Kehidupan"*



## PENGUBAHAN SUMBER JETI

JABATAN SUMBER AIR  
NEGERI KELANTAN

## JABATAN SUMBER AIR NEGERI KELANTAN


- Berperanan menjaga sumber air di negeri Kelantan & telah mewajibkan permohonan pelesenan oleh mana-mana pemaju, dikemukakan dan diluluskan sebelum sesuatu projek yang berkaitan dengan sumber air dijalankan
- Kebenaran perlesenan ini amat perlu dalam menitikberatkan penjagaan alam sekitar sumber air di negeri Kelantan



Seksyen 14 (1),  
Enakmen Sumber Air Negeri Kelantan 2019  
memperuntukkan :-  
' tiada orang atau entiti kerajaan  
boleh, menjalankan apa-apa kerja yang  
boleh melencong, mengganggu, atau  
menghalang aliran semula jadi air dalam  
mana-mana sumber air kecuali dengan  
dibenarkan melalui sesuatu lesen yang  
dikeluarkan oleh Pengarah ,Setelah  
mendapat Kelulusan Setiausaha Kerajaan  
Negeri '

## PELESENAN JETI

- Jeti merupakan mana-mana dinding dan bangunan yang bersambung dengan pesisir depan, dasar laut atau dasar sungai atau mana-mana struktur binaan di gigi air yang menjalankan aktiviti terutama komersial (perniagaan).
- Pelesenan Jeti adalah untuk memastikan segala aktiviti dan operasi sama ada persendirian atau komersial sah dijalankan dan mengikut peraturan yang digariskan oleh Enakmen Sumber Air Negeri Kelantan 2019 dan lain-lain agensi lain yang terlibat
- Setiap aktiviti yang berkaitan lencongan, halangan atau menghalang air dari sungai hendaklah memohon lesen daripada Pengarah Jabatan Sumber Air Negeri Kelantan dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri
- Mana-mana orang awam atau syarikat yang tidak memohon lesen atau melakukan sesuatu kesalahan denda tidak melebihi RM300,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih 5 tahun atau kedua-duanya



## SIAPA YANG PERLU MEMOHON ?

- **Pembinaan Jeti bagi TUJUAN KOMERSIAL (PERNIAGAAN)**



Jeti Sara diri : perlu pohon kebenaran bagi tujuan rekod Jabatan dan lain-lain agensi



## KADAR LESEN DAN CAJ

1. Fi Proses : RM 150.00
2. Fi Lesen : RM200.00/tahun
3. Caj Keluasan Struktur/Tapak : RM3.00/m<sup>2</sup>